

21 MAR 1998

Abdullah-Pelaburan

PELABURAN MALAYSIA DI LUAR TERJEJAS EKORAN KRISIS EKONOMI

SUNGAI PETANI, 21 Mac (Bernama) -- Krisis ekonomi memberi kesan ketara kepada pelabur Malaysia yang mempunyai projek di luar negara sehingga memaksa mereka menangguhkan pelaburan baru dan menghentikan beberapa projek yang telah dirancang, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Beliau berkata, berikutan krisis yang melanda Malaysia dan beberapa negara Asia Tenggara sejak Julai lepas, pelaburan Malaysia semakin berkurangan kerana masalah mendapatkan modal.

"Ramai pelabur yang tidak dapat meneruskan projek yang dirancang ataupun menarik diri daripada meneruskan pelaburan di luar negara kerana kekurangan modal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Sungai Petani di sini.

Sehubungan itu Abdullah berkata, Wisma Putra telah menyiapkan satu laporan berhubung kesan krisis itu terhadap pelabur Malaysia dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedikit masa lagi.

"Buat masa sekarang, saya tidak dapat mendedahkan hasil laporan itu," katanya.

Beliau berkata, mengikut perancangan banyak projek yang akan dilaksanakan oleh pelabur Malaysia tetapi kemampuan modal yang terhad menjadi penghalang utama.

Bagaimanapun kerajaan berharap mereka yang telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) akan berusaha meneruskan projek masing-masing. -- BERNAMA

MZM PR